

18 NOV 1997

Anwar-BN

DEWAN TERTINGGI BN KESALI USUL ANGGOTA KONGRES AS TERHADAP PM

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang mengadakan mesyuarat khas hari ini mengesali tuduhan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anti-Yahudi dan usul yang hendak mereka bawa untuk menuntut Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata semua 14 parti komponen BN turut mengulangi sokongan mereka terhadap Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

"Sebagai parti-parti politik yang dari tahun ke tahun mengambil bahagian dalam pilihan raya, kami juga menegaskan hanya rakyat melalui proses demokrasi boleh menentukan kepimpinan negara," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas itu di sini.

Katanya, Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir amat menghargai hubungan dengan negara-negara lain.

Dalam hal ini, para pemimpin BN sedar hubungan penting antara Malaysia dan AS dan akan berusaha mempertahankan dan mempertingkatkan hubungan baik itu.

Dalam surat bertarikh 27 Okt lepas kepada Dr Mahathir yang ditandatangani 34 anggota Kongres AS dengan diketuai anggota Demokrat dari Florida Robert Wexler, mereka telah mendesak Perdana Menteri supaya meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan kerana menyatakan terdapat konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau Asia Tenggara.

Bagaimanapun Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa kenyataannya yang menyalahkan pembiaya kewangan Amerika, George Soros, seorang Yahudi, terhadap krisis mata wang di Asia Tenggara telah disalahtafsirkan, dan beliau bukan anti-Yahudi.

Anwar berkata, selepas mendapat mandat pimpinan tertinggi anggota-anggota komponen BN hari ini, beliau akan membentangkan usul kepercayaan kepada kepimpinan Dr Mahathir pada persidangan Dewan Rakyat petang esok.

Katanya, anggota-anggota Parlimen diberi masa sehari persidangan untuk membahaskan usul itu selepas pembentangnya pada pukul 3.30 petang.

"Kita tunggu usul di Parlimen esok. Selepas itu kita akan sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan kerajaan Amerika Syarikat," katanya.

Ketika ditanya sama ada usul yang dibawa ke Parlimen esok akan mendesak anggota-anggota Kongres AS terlibat supaya menarik balik draf usul mereka terhadap Perdana Menteri, Anwar berkata: "Tidak".

Katanya, berdasarkan bukti-bukti yang nyata, kepemimpinan BN menolak tuduhan bahawa Dr Mahathir bersikap bermusuhan dengan mana-mana bangsa sama ada di dalam negara atau di luar negara, termasuk Yahudi.

"Kami kepemimpinan Barisan Nasional menegaskan kembali bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan.

"Dan falsafah perjuangan Barisan Nasional ialah berusaha menggembeng sifat majmuk ini sebagai sesuatu kekuatan dalam membangun sebuah negara yang teguh, makmur dan berjaya dalam segala bidang," katanya.

Dalam hal ini, kata beliau, Dewan Tertinggi BN menegaskan bahawa sebagai Pengerusi BN dan Perdana Menteri, Dr Mahathir telah mengucapkan falsafah perjuangan itu dengan jitu dan menterjemahkannya sebagai satu kenyataan yang unggul.

Anwar berkata di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah muncul sebagai model negara dan masyarakat majmuk yang digerakkan di atas prinsip

toleransi, keadilan dan saling hormat-menghormati.

"Berdasarkan bukti kepemimpinan beliau di Malaysia, kita (para pemimpin parti-parti komponen BN) menolak tuduhan bahawa Dr Mahathir bersikap bermusuhan dengan mana-mana bangsa, dalam negara dan luar negara termasuk Yahudi," katanya pada persidangan berita yang turut dihadiri kesemua 14 pemimpin parti-parti komponen BN itu.

Mengenai kenyataan Duta AS, John R. Malott, bahawa usul 34 anggota Kongres negara itu terhadap Dr Mahathir adalah tidak wajar, Anwar berkata: "Kita (Malaysia) sudah kata begitu sebelum ini. Saya rasa beliau mengesahkan apa yang kita kata itu."

Dalam persidangan berita di Kedutaan AS semalam, Malott berkata: "Saya setequi bahawa tidak wajar bagi mendesak pemimpin sesebuah negara lain supaya meletak jawatan."

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata 34 anggota kongres Amerika Syarikat itu tidak mempunyai hak untuk mendesak Dr Mahathir letak jawatan.

"Itu bukan urusan mereka. Negara kita negara demokrasi dan Perdana Menteri kita dipilih secara demokratik -- jadi mereka tidak ada hak" kata beliau kepada pemberita.

Dr Ling bertanya: "Bagaimanakah suatu pihak dapat menghancurkan demokrasi dengan menyuruh seorang pemimpin sebuah negara yang dipilih oleh rakyatnya meletak jawatan?"

Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir mempunyai sokongan yang sangat besar daripada parti-parti komponen BN yang para pemimpinnya berdiri teguh di belakangnya dan menyokong dasar-dasarnya.

"Anda (anggota kongres Amerika) tidak boleh mengetepikannya kerana beliau dipilih secara demokratik oleh rakyat," katanya.

Persiden MIC Datuk Seri Samy Vellu pula berkata anggota Kongres Amerika tidak ada hak untuk mengadakan apa-apa resolusi terhadap negara lain termasuk Malaysia dengan meminta Dr Mahathir meletak jawatan.

"Mereka tidak menghormati prinsip demokrasi memandangkan Dr Mahathir dipilih oleh rakyat Malaysia dan bukan rakyat Amerika," katanya.

Beliau meminta rakyat jelata melalui wakli mereka di Parlimen supaya memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri apabila usul mengenai perkara itu dibentangkan di Dewan Rakyat esok.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata tindakan 34 anggota kongres itu adalah permainan politik keagamaan dan perkauman melampau yang mempunyai agenda tersembunyi.

"Malaysia bukan sebuah negara yang mengamalkan dasar perkauman dan ini sudah dibuktikan dengan rakyat berbilang bangsa hidup dengan aman damai dan bersama-sama membina negara untuk menjadi negara maju," katanya.

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata tindakan segelintir anggota kongres Amerika itu tidak baik untuk hubungan antara Malaysia dan Amerika.

"Tetapi kita tidak bermusuhan dengan rakyat Amerika, tetapi hanya segelintir ahli yang mungkin tidak tahu di mana letaknya Malaysia dan keadaan negara yang aman damai yang dibina oleh masyarakat pelbagai kaum," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), M Kayveas berkata Dr Mahathir merupakan pemimpin yang bukan sahaja adil dan saksama tetapi yang bercakap bagi pihak rantau Asia dan Dunia Ketiga seluruhnya mengenai apa-apa isu yang difikirkan melibatkan perbuatan tidak adil dan tidak betul.

"Perdana Menteri kita tidak pernah berniat untuk menyelar Yahudi secara keseluruhannya tetapi hanya terhadap George Soros (yang kebetulan seorang Yahudi) sebagai orang perseorangan," kata beliau.

"Memandangkan senario itu, PPP merasa 34 anggota kongres itu sedang cuba memutar-belitkan perkara itu dan cuba membakar perasaan orang Yahudi

terhadapnya, sedangkan jika diteliti mereka yang berkenaan itulah yang berfikiran sempit dan bukannya Perdana Menteri kita," katanya.

Oleh itu PPP menggesa Dr Mahathir supaya berwaspada terhadap tindakan mereka dan PPP akan menyokong sepenuhnya apa sahaja langkah yang diambil oleh beliau untuk mendedahkan kesilapan tindakan oleh anggota kongres itu, katanya. -- BERNAMA

AH ZAB MT NMO